

Maklumat Komoditi : Timun

Sistem Penanaman

Penanaman di Ladang

Biasanya biji benih ditanam secara terus ke batas sedalam 1.5 cm. Tanam 2 - 3 biji benih selubang lebih kurang 2 cm antara satu sama lain. Kemudian ditimbus biji benih tadi dengan tanah. Jarak tanaman adalah 60 cm antara baris dan 60 cm antara pokok.

Pemasangan Junjung (Trelis)

Timun adalah sayur jenis memanjat oleh itu kayu junjung/penyokong (trellis) adalah diperlukan. Penanaman timun biasanya menggunakan trelis , atau pukot junjung .

Bagi penggunaan para trelis , bahan yang digunakan untuk membuat junjung terdiri daripada kayu, buluh, dawai, tali rafia, pukot dan sebagainya. Junjung perlu disediakan selewat-lewatnya dua minggu selepas menanam iaitu sebaik sahaja pokok telah mengeluarkan sulur-sulur paut. Terdapat dua cara membuat junjung mengikut keadaan setempat, iaitu :

a. Penyokong Untuk Sistem Pancang

Kayu-kayu junjung yang berukuran 2 meter panjang dan bergaris pusat 2.5 - 3 cm dipacak berhampiran dengan anak benih dan dicondongkan ke arah dalam supaya bertentangan dan bersilang di bahagian hujung kayu pancang. Kemudian letakkan pula kayu di atasnya dengan cara melintang pancang-pancang yang bersilang tadi. Ikat dengan tali rafia untuk mendapat sokongan yang kuat seperti di Gambar rajah 2.

b. Penyokong Untuk Sistem Para-para Dawai

Sistem ini menggunakan tiang-tiang junjung yang berukuran 2.5 meter panjang dan bergaris pusat 6 cm. Tiang-tiang ini dipacak di atas batas dengan jarak lebih kurang 4 meter persegi. Kemudian dawai kasar (No.10) dipasang di bahagian atas meng-hubungi kayu-kayu junjung tadi. Ini diikuti dengan memasang dawai sederhana (No. 14) di atas tiap-tiap batas sehingga memenuhi semua kawasan seperti di Gambar rajah 3.

Apabila tinggi pokok sayur tersebut lebih kurang 15 -20cm iaitu selepas kerja-kerja menjarang dan menimbus tanah di pangkal pokok dijalankan, tali-tali rafia mula dipasang pada tiap-tiap pokok iaitu satu utas bagi setiap pokok dan kemudian diikat ke para-para dawai. Seterusnya pengawasan yang rapi haruslah dibuat supaya semua pucuk-pucuk sayur tadi dapat naik ke para dan memanjat dengan sempurna.

Penjarangan

Selepas 10 hari menanam atau kira-kira 5cm tinggi, anak benih tersebut perlu dijarangkan kepada satu pokok selubang. Tinggalkan hanya pokok yang paling subur dan tidak berpenyakit.

Cara mencabut anak benih yang perlu dibuang ialah dengan meletakkan dua jari tangan untuk mengempit pangkal anak benih itu. Semasa mencabut tanah ditekan dengan jari supaya tidak merosakkan akar anak benih yang ditinggalkan.